

Penggunaan data tak tepat jejas penarafan universiti

Penarafan antarabangsa sesebuah universiti sering jadi perhatian pelbagai pihak, terutama bagi ibu bapa yang mahu mendapatkan pusat pengajian terbaik untuk anak-anak mereka. Ketika beberapa institusi pengajian tinggi dikaitkan sebagai Universiti Penyelidikan (RU), masyarakat pula mengharapkan institusi itu sendiri mendapat pengiktirafan peringkat tertinggi agar graduannya berdaya saing dalam pasaran pekerjaan. Antara badan yang aktif dalam membuat penarafan universiti di peringkat antarabangsa ialah QS World University Rankings (QS). Bagaimanapun dapatkah kita menerima keputusan penarafan QS itu sepenuhnya tanpa mengetahui sumber data yang digunakannya. Atas dasar inilah Universiti Putra Malaysia (UPM) masih meragui kesahihan data, kaedah serta hasil penarafan antarabangsa QS World University Rankings (QS). Sehingga kini tidak jelas kriteria digunakan ketika menilai penarafan kerana data pengkajian mereka yang masih samar. Dalam senarai QS World University Rankings 2012/2013 yang dikeluarkan baru-baru ini, kedudukan UPM jatuh dua anak tangga kepada 360 berbanding 2011. Kita tidak tahu bagaimana mereka mengukur tahap keupayaan sesebuah institusi pengajian tinggi tempatan dan apakah kayu pengukur yang dibuat berdasarkan kepada tradisi keilmuan itu sendiri. Mereka juga perlu faham perkembangan sesebuah pusat pengajian dan penyelidikan bergantung kepada suasana tempatan yang mungkin tidak dialami di negara lain. Justeru, tidak menghairankan apabila USM menyaman QS beberapa tahun lalu kerana tidak menggunakan data tepat dalam kajian mereka.

Kenyataan Naib Canselor UPM, Prof Datuk Ir Dr Radin Umar Radin Sohadi wajar diteliti kerana kriteria digunakan oleh QS juga tidak membawa kepada pembangunan pendidikan negara. Isu kesahihan data dipertikaikan kerana QS tidak mendedahkan sumber dan data sebenar yang mereka gunakan. Kedudukan UPM dalam penarafan itu lebih rendah daripada sepatutnya, sedangkan data sebenar sitasi (citation) lima RU di Malaysia diambil daripada pangkalan data scopus. Pada era globalisasi sekarang, peranan universiti sebagai pusat kecemerlangan ilmu semakin diperlukan. Pusat pengajian bukan sekadar kilang mengeluarkan ijazah dan diploma, juga melahirkan modal insan untuk generasi masa depan sesebuah negara. Penarafan sesebuah universiti perlu mengambil kira keupayaan melahirkan graduan berdaya saing serta inovatif. Keupayaan UPM tentunya tidak boleh diperlekeh apatah lagi pusat pengajian itu terawal menyediakan penyelidikan sektor pertanian dan sains sosial. Tentunya UPM tidak bergantung kepada agensi asing semata-mata untuk mendapat pengiktirafan yang meragukan.